



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGALAMAN PEMBELAJARAN, PERANCANGAN DAN EKSPLORASI
KERJAYA, EFIKASI KENDIRI, EKSPEKTASI HASIL DAN MATLAMAT
DENGAN KEPASTIAN KERJAYA PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL***

ASLINA BINTI MOHAMED

FPP 2022 32



**PENGALAMAN PEMBELAJARAN, PERANCANGAN DAN EKSPLORASI
KERJAYA, EFIKASI KENDIRI, EKSPEKTASI HASIL DAN MATLAMAT
DENGAN KEPASTIAN KERJAYA PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL**

Oleh

ASLINA BINTI MOHAMED

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah
Master Sains**

Februari 2022

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGALAMAN PEMBELAJARAN, PERANCANGAN DAN EKSPLORASI
KERJAYA, EFIKASI KENDIRI, EKSPEKTASI HASIL DAN MATLAMAT
DENGAN KEPASTIAN KERJAYA PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL**

Oleh

ASLINA BINTI MOHAMED

Februari 2022

Pengerusi : Ts. Mohd Hazwan Mohd Puad, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kepastian kerjaya dalam kalangan pelajar sangat penting dalam menentukan kesediaan mereka untuk menceburi bidang kerjaya pilihan. Pelajar Kolej Vokasional (KV) selalu dikatakan tidak dapat membuat keputusan kerjaya, tiada atau kurang maklumat dan pendedahan tentang kerjaya dan tidak mampu untuk menyelesaikan masalah kerjaya mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kepastian kerjaya; tahap pengalaman pembelajaran; tahap perancangan kerjaya; tahap eksplorasi kerjaya; tahap efikasi sendiri; tahap ekspektasi hasil; dan tahap matlamat kerjaya pelajar KV di negeri Selangor. Hubungan antara kepastian kerjaya dengan pemboleh ubah tak bersandar iaitu pengalaman pembelajaran; perancangan kerjaya; eksplorasi kerjaya; efikasi sendiri; ekspektasi hasil; dan matlamat turut dikenal pasti. Kajian ini melibatkan 230 orang pelajar tahun satu KV di negeri Selangor. Kaedah pensampelan rawak mudah digunakan untuk mendapatkan sampel kajian. Instrumen kajian dan soal selidik digunakan untuk mengumpul data kajian. Tahap kepastian kerjaya diukur menggunakan *Career Decision Scale* (CDS). Manakala pengalaman pembelajaran menggunakan *Career Exploration and Decision Learning Experience* (CEDLE); perancangan kerjaya dan eksplorasi kerjaya menggunakan *Career Development Inventory* (CDI); efikasi sendiri menggunakan *Career Exploration and Decision Self Efficacy-Brief Decision* (CEDSE-BD); ekspektasi hasil dan matlamat kerjaya menggunakan *Career Decision Making Outcome Expectancies and Exploratory* (CDMOE). Nilai Alpha Cronbach untuk kebolehppercayaan soal selidik adalah lebih besar dari .76 ($r > 0.76$). Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Hasil dapatan menunjukkan tahap kepastian kerjaya pelajar berada pada tahap *developmentally undecided*. Tahap pengalaman pembelajaran; eksplorasi kerjaya; dan matlamat kerjaya pada tahap sederhana. Bagi tahap perancangan kerjaya; efikasi sendiri; dan ekspektasi hasil menunjukkan tahap yang tinggi. Hasil analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan

positif di antara pengalaman pembelajaran dengan kepastian kerjaya. Kajian ini menunjukkan faktor pengalaman pembelajaran merupakan faktor pengesah yang mempengaruhi kepada kepastian kerjaya. Secara keseluruhannya, pelajar perlu didedahkan dengan pelbagai maklumat tentang kerjaya dalam membolehkan mereka membuat satu keputusan kerjaya yang tepat.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Degree of Master of Science

**LEARNING EXPERIENCES, CAREER PLANNING AND EXPLORATION,
SELF-EFFICACY, OUTCOME EXPECTATIONS AND GOAL WITH
CAREER CERTAINTY OF VOCATIONAL COLLEGE STUDENTS**

By

ASLINA BINTI MOHAMED

February 2022

Chairman : Ts. Mohd Hazwan Mohd Puad, PhD
Faculty : Educational Studies

Career certainty among students is crucial in determining their readiness to pursue their chosen careers. There is a perception that Vocational College (KV) students cannot make career decisions, have limited information and exposure about careers and are unable to solve their career problems. This study aims to identify the level of career certainty, learning experience, career planning; exploration, self-efficacy, outcome expectations and career goals among KV students in the state of Selangor. This study aims to determine the relationship between career certainty and the independent variables i.e. learning experiences, career planning, career exploration, self-efficacy, outcome expectations, efikasi sendiri menggunakan Career Exploration and Decision Self Efficacy-Brief Decision (CEDSE-BD); ekspektasi hasil dan matlamat kerjaya menggunakan Career Decision Making Outcome Expectancies and Exploratory (CDMOE). and career goals. The study involved 230 first-year students from KVs in the state of Selangor. The random sampling method was chosen as it is an easy method to obtain study samples. Study instruments and questionnaires were used to collect study data. The level of career certainty level was measured using Career Decision Scale (CDS) instrument. Furthermore, other instruments used are Career Exploration and Decision Learning Experience (CEDLE) to measure learning experience and Career Development Inventory (CDI) to measure career planning and career exploration. The study also used the Career Exploration and Decision Self Efficacy-Brief Decision (CEDSE-BD) instrument to examine the level of students' self-efficacy, Career Decision Making Outcome Expectancies and Exploratory (CDMOE) to measure outcome expectations and career goal. The study found that the alpha Cronbach value for the questionnaire's reliability is greater than .76 ($r > 0.76$). This study employed the survey research design and the findings showed that the level of student's certainty is at the developmentally undecided level. The level of learning experience; career exploration, and career goals at a moderate level. Meanwhile, the students show high level of career planning, self-efficacy, and

outcome expectations. Lastly, the results of the correlation analysis showed that there is a significant and positive relationship between learning experience and career certainty. This study indicates that learning experience is a validation factor that affects career certainty. Overall, students need to be exposed to varied information about careers choices to help them make accurate career decision.



PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang kerana dengan keizinan dan limpah kurniaNya, saya dapat menyiapkan tesis ini. Ucapan penghargaan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Jawatankuasa Penyeliaan Tesis saya iaitu Dr. Mohd Hazwan Bin Mohd Puad selaku pengerusi dan Profesor Madya Dr. Abdullah Bin Mat Rashid selaku ahli jawatankuasa. Segala saranan dan tunjuk ajar sepanjang tempoh penyeliaan tesis ini amat saya hargai. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa kalian.

Saya ingin mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Profesor Dr. Ab Rahim Bakar yang telah memberi tunjuk ajar, bimbingan dan sokongan dalam usaha menyempurnakan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada Dr. Muhd Khaizer Omar dan Dr. Noor Syamilah Zakaria atas kesudian menyemak dan mengesahkan instrumen kajian. Segala bantuan yang diberikan tidak akan saya lupakan.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada keluarga tercinta yang sentiasa merestui, membantu dan tidak putus-putus memberi sokongan. Terutama sekali kepada al-marhumah mak, yang sentiasa berada disisi sehingga akhir hayat. Semoga kita semua diberkati, dilindungi dan dirahmati oleh Allah S.W.T.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat kepada keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Hazwan Mohd Puad, PhD

Pensyarah Kanan, Ts
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdullah Mat Rashid, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 Oktober 2022

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi yang telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Aslina Mohamed,

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi Ts. Mohd Hazwan Mohd Puad
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi Profesor Madya Abdullah Mat Rashid
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
BAB	
1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	2
1.4 Objektif Kajian	3
1.5 Persoalan Kajian	4
1.6 Kepentingan Kajian	4
1.7 Batasan Kajian	5
1.8 Skop Kajian	5
1.9 Definisi Operasional	6
1.10 Rumusan	8
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	9
2.2 Kepastian Kerjaya Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhinya	9
2.3 Posisi Teori Kerjaya Sosial Kognitif Dalam Perkembangan Pendidikan Kerjaya	16
2.4 Kerangka Konseptual Kajian	21
2.5 Rumusan	21
3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	22
3.2 Reka Bentuk Kajian	22
3.3 Populasi Dan Sampel Kajian	22
3.4 Instrumen Kajian	26
3.5 Kesahan Dan Kebolehpercayaan	31
3.6 Kajian Rintis	32
3.7 Kaedah Pengumpulan Data	33
3.8 Analisis Data	34
3.9 Analisis Penerokaan Data	39
3.10 Rumusan	42
4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	44
4.2 Demografi Responden	44
4.3 Persoalan Kajian 1	46
4.4 Persoalan Kajian 2	48
4.5 Persoalan Kajian 3	51

4.6	Persoalan Kajian 4	53
4.7	Persoalan Kajian 5	55
4.8	Persoalan Kajian 6	56
4.9	Persoalan Kajian 7	58
4.10	Perbezaan Antara Pembolehubah Dengan Jantina	59
4.11	Persoalan Kajian 8	60
4.12	Persoalan Kajian 9	61
4.13	Rumusan	62
5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	63
5.2	Perbincangan	63
5.3	Kesimpulan	67
5.4	Implikasi Kajian Dari Aspek Praktikal	69
5.5	Implikasi Kajian Dari Aspek Teori	70
5.6	Cadangan Dan Kajian Di Masa Akan Datang	70
	RUJUKAN	72
	LAMPIRAN	80
	BIODATA PELAJAR	88

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat	
3.1	Populasi kajian	47
3.2	Bilangan pelajar bagi setiap Kolej Vokasional	50
3.3	Ringkasan Instrumen Kajian	51
3.4	Nilai Alpha Cronbach asal dan kajian rintis bagi setiap Pembolehubah	61
3.5	Tafsiran skala kepastian kerjaya	64
3.6	Deskriptor Tahap Pengalaman Pembelajaran	65
3.7	Deskriptor Tahap Perancangan Kerjaya	65
3.8	Deskriptor Tahap Eksplorasi Kerjaya	66
3.9	Deskriptor Tahap Efikasi Kendiri	66
3.10	Deskriptor Tahap Ekspektasi Hasil	67
3.11:	Deskriptor Tahap Matlamat Kerjaya	67
3.12	Anggaran kekuatan hubungan antara pembolehubah	68
3.13	Tahap Sumbangan Nilai R^2	68
3.14	Nilai Min, Median dan Mod Serta Ujian Skewness dan Kurtosis	70
3.15	Analisis statistik berdasarkan soalan kajian	71
4.1	Taburan Frekuensi Responden Jantina dan Bangsa	75
4.2	Taburan Frekuensi Responden Pilihan Ke Kolej Vokasional	75
4.3	Taburan Frekuensi Minat Dengan Kursus Sekarang	76
4.4	Taburan Min dan Sisihan Piawai Kepastian Kerjaya Pelajar Kolej Vokasional	78
4.5	Taburan Min dan Sisihan Piawai Pengalaman Pembelajaran Pelajar Kolej Vokasional	80

4.6	Taburan Min dan Sisihan Piawai Perancangan Kerjaya Pelajar Kolej Vokasional	82
4.7	Taburan Min dan Sisihan Piawai Eksplorasi Kerjaya Pelajar Kolej Vokasional	85
4.8	Taburan Min dan Sisihan Piawai Efikasi Kendiri Pelajar Kolej Vokasional	87
4.9	Taburan Min dan Sisihan Piawai Ekspektasi Hasil Pelajar Kolej Vokasional	88
4.10	Taburan Min dan Sisihan Piawai Matlamat Kerjaya Pelajar Kolej Vokasional	89
4.11	Analisis Ujian-t Tak Bersandar	90
4.12	Analisis Korelasi Pearson	91
4.13	Analisis Model Kepastian Kerjaya	93
4.14	Faktor Efikasi Kendiri Peramal Kepastian Kerjaya	93

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Ringkasan bagaimana perkembangan minat dan pilihan kerjaya berlaku menurut SCCT	43
2.2	Kerangka Konseptual Kajian	44



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan latar belakang kajian diikuti dengan kupasan mengenai permasalahan kajian. Perbincangan ini akan diikuti dengan tujuan, objektif dan soalan kajian. Seterusnya, bab ini akan menghuraikan tentang kepentingan kajian dan penerangan tentang definisi operasional yang akan digunakan dalam kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) berperanan sebagai satu saluran untuk memproses dan menghasilkan tenaga kerja mahir tempatan, malahan sebagai enjin pembangunan negara. Cabaran globalisasi seiring dengan peningkatan aspirasi rakyat memerlukan kepada transformasi dalam pendidikan yang berupaya membangunkan modal insan kelas pertama dan pendidikan bertaraf dunia. Pendidikan abad ke-21 berhadapan dengan perubahan yang persekitaran yang dinamik yang dicirikan oleh kepesatan teknologi, impak krisis ekonomi dunia merupakan pemboleh ubah yang dapat mempengaruhi prestasi daya saing terhadap sistem pendidikan negara (Pati, 2014). Oleh itu, sistem pendidikan perlulah berupaya melahirkan pelajar yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global.

Transformasi sistem pendidikan Negara yang dipandu oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 memainkan peranan penting dalam meningkatkan pembangunan ekonomi negara dengan adanya sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dan mampu menangani cabaran abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Rangka kurikulum di KV juga turut berubah bagi merealisasikan transformasi ini. Perubahan kurikulum tersebut adalah dengan adanya panduan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. KSKV merupakan panduan yang digunapakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran di KV. Kurikulum Standard Kolej Vokasional ini digubal dengan panduan dan pematuhan kepada Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) di bawah akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (akta 652) dan akta agensi Kelayakan Malayasia (akta 679). Hal ini untuk memastikan sijil dan diploma yang diberikan oleh Kolej Vokasional setaraf dengan institusi pendidikan vokasional yang lain dan diiktiraf industri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017)

Malaysia berada dalam landasan kukuh untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi. Transformasi Nasional 2050 (TN50), menyasarkan 35% tenaga kerja mahir menjelang tahun 2020 seterusnya 100 peratus menjelang tahun 2050 untuk graduan TVET (Jabatan Penerangan Malaysia, 2018). Sekurang-kurangnya 46% memerlukan kelayakan sijil vokasional atau diploma, berbanding 22% yang memerlukan kelayakan ijazah pertama (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Namun, cabaran TVET masa kini ialah TVET bukan setakat menghasilkan modal insan yang mencukupi dan berkualiti malah ianya menjadi agenda terpenting dalam memacu Negara dalam memenuhi keperluan tenaga kerja berkaitan perkerjaan teknik dan vokasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Pemilihan kerjaya adalah satu proses membuat keputusan yang paling penting dalam kehidupan seseorang individu apabila mula berfikir untuk memasuki dunia pekerjaan yang sebenar. Pemilihan kerjaya merupakan satu proses yang berterusan, bermula dari persepsi kanak-kanak terhadap dunia pekerjaan, berkembang hingga peringkat remaja ke awal dewasa dan proses ini tidak akan berakhir (Bakar, 2011; Tolbert, 1974). Pemilihan kerjaya merupakan kategori masalah yang terbesar yang sering dikemukakan oleh pelajar (Mohd Noah, 2018). Walau apa pun pilihan yang dibuat, pelajar perlu membuat banyak persediaan bagi memastikan mereka masuk ke laluan pendidikan yang betul dan akhirnya ke dalam pekerjaan yang telah dirancang. Sebaliknya, kerajaan perlu mempunyai idea mengenai perancangan tenaga kerja dengan mempertimbangkan jenis pendidikan yang akan diberikan kepada para pelajar untuk memastikan bahawa negara akan menghasilkan modal insan yang diperlukan oleh industri.

1.3 Penyataan Masalah

Laluan bagi graduan TVET adalah menjurus kepada alam pekerjaan. Pihak kerajaan telah memberikan perhatian khusus terhadap pendidikan TVET di Malaysia dengan membuat transformasi pendidikan vokasional bagi memastikan Malaysia mempunyai bilangan pekerja berkemahiran tinggi yang mencukupi (PADU, 2017). Sekolah vokasional telah dinaik taraf kepada KV oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan bilangan pelajar dengan kemahiran teknikal dan vokasional dan membuka peluang pekerjaan yang lebih luas kepada lepasan sekolah (PADU, 2017).

Namun, laporan Bank Negara (2018) menyatakan golongan remaja merupakan lebih separuh daripada jumlah pekerja yang menganggur. Kadar peratusan pengangguran belia di Malaysia dianggarkan telah mencecah 11.7%, tiga kali lebih tinggi daripada kadar pengangguran negara sebanyak 3.4%. Kadar kebolehpasaran graduan TVET pada tahun 2020 adalah 87.0 peratus dengan graduan KV mencatat kadar kebolehpasaran yang kurang seimbang iaitu 81.6 peratus lebih rendah daripada Kolej Komuniti 94.2 peratus (Kementerian Pengajian Tinggi, 2021). Graduan KV juga di antara yang mencatatkan peratusan tertinggi di antara institusi- institusi awam TVET iaitu sebanyak 18.4

peratus yang masih belum bekerja (Kementerian Pengajian Tinggi, 2021). Antara sebab–sebab yang diberikan ialah memberi alasan kerja yang ditawarkan tidak sesuai (Kementerian Pengajian Tinggi, 2020). Musa (2017), Mansor dan Mat Rashid (2016) menyatakan Ini mungkin disebabkan oleh kepastian membuat pemilihan kerjaya yang masih berada di tahap rendah dan pelajar tidak prihatin terhadap masa depan kerjaya mereka. Schadl, Sheppard dan Chen (2017) menyatakan ramai pelajar sering menghadapi kesulitan dalam proses membuat keputusan kerjaya mereka dan tidak pasti mengenai kerjaya yang mereka mahu ceburi. Ini kerana keputusan kerjaya dikalangan pelajar yang tidak pernah bekerja atau terlibat dalam laluan kerjaya boleh menjadi keputusan yang sangat rumit (Boo & Kim, 2020; Viola et al., 2017).

Pendaftaran untuk mengikuti aliran pendidikan dalam pendidikan teknikal dan vokasional di lakukan atas pilihan sendiri. Oleh itu, tidak ada sebab mengapa pelajar tidak dapat membuat keputusan kerjaya, kerana Ketidakpastian kerjaya pelajar menimbulkan masalah kepada pelajar sendiri (Abdul Karim et al., 2022). Kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti kepastian kerjaya dan hubungan dengan faktor pengalaman pembelajaran, perancangan kerjaya, eksplorasi kerjaya, efikasi sendiri, ekspektasi hasil dan matlamat kerjaya pelajar KV kerana kepentingan keputusan kerjaya dalam kehidupan pelajar dan bagi memastikan kecekapan inisiatif pembangunan tenaga kerja yang dilaksanakan oleh kerajaan dapat memenuhi keperluan industri.

1.4 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kepastian kerjaya dan hubungannya dengan pengalaman pembelajaran, perancangan kerjaya, eksplorasi kerjaya, efikasi sendiri, ekspektasi hasil dan matlamat kerjaya dalam kalangan pelajar aliran vokasional di KV seluruh negeri Selangor.

Objektif khusus kajian ini adalah:

1. Mengetahui tahap kepastian kerjaya, tahap pengalaman pembelajaran, tahap perancangan kerjaya, tahap eksplorasi kerjaya, tahap efikasi sendiri, tahap ekspektasi hasil, dan tahap matlamat kerjaya pelajar Kolej Vokasional.
2. Menentukan hubungan antara kepastian kerjaya dengan perancangan kerjaya, eksplorasi kerjaya, efikasi sendiri, ekspektasi hasil, matlamat kerjaya dan pengalaman pembelajaran pelajar Kolej Vokasional.
3. Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kepastian kerjaya pelajar Kolej Vokasional.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap kepastian kerjaya pelajar Kolej Vokasional di negeri Selangor?
2. Apakah tahap pengalaman pembelajaran pelajar Kolej Vokasional di negeri Selangor?
3. Apakah tahap perancangan kerjaya pelajar Kolej Vokasional di negeri Selangor?
4. Apakah tahap eksplorasi kerjaya pelajar Kolej Vokasional di negeri Selangor?
5. Apakah tahap efikasi sendiri pelajar Kolej Vokasional di negeri Selangor?
6. Apakah tahap ekspektasi hasil pelajar Kolej Vokasional di negeri Selangor?
7. Apakah tahap matlamat kerjaya pelajar Kolej Vokasional di negeri Selangor?
8. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara pengalaman pembelajaran, perancangan kerjaya, eksplorasi kerjaya, efikasi sendiri, ekspektasi hasil dan matlamat kerjaya dengan kepastian kerjaya?
9. Apakah faktor pengesah yang mempengaruhi kepastian kerjaya?

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat menentukan klasifikasi pelajar KV bagi kepastian kerjaya sama ada pelajar dalam kumpulan *decided*, *developmentally undecided* atau *chronically undecided*. Tindakan yang sewajarnya boleh dilakukan untuk membantu pelajar bagi mengurangkan ketidakpastian kerjaya pelajar. Pelajar KV sepatutnya tidak mengalami ketidakpastian kerjaya yang kronik kerana mereka mengikuti pendidikan untuk kerjaya. Pelajar juga seharusnya dapat memilih kerjaya yang sealiran dengan pendidikan dan kemahiran yang dipelajari semasa di KV. Mereka perlu jelas dan fokus dengan pendidikan yang mereka terima sesuai dengan minat dan cita-cita mereka. Di samping itu, pelajar perlu merancang dan mengeksplorasi kerjaya sebelum mereka menamatkan pendidikan di sekolah lagi. Pelajar perlu yakin dengan keputusan mereka memilih bidang vokasional sebaik sahaja mendaftarkan diri di KV. Selain daripada itu, pelajar juga perlu tahu tentang ekspektasi dan matlamat kerjaya yang akan mereka ceburi kelak.

Kajian juga diharapkan dapat memberi maklumat kepada ibu bapa berhubung kepastian kerjaya pelajar. Ibu bapa seharusnya berperanan membantu pelajar dengan menyalurkan maklumat kerana mereka adalah orang yang paling hampir dan rapat dengan pelajar. Selain itu juga, kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah terutamanya guru-guru dalam memberi sebanyak mungkin maklumat tentang kerjaya yang boleh pelajar ceburi mengikut bidang vokasional masing-masing. Guru-guru juga diharapkan dapat menyedarkan pelajar tentang matlamat pelajar dan dapat meningkatkan tahap keyakinan diri pelajar. Guru kaunseling khasnya dapat memperbanyakkan program berkenaan kerjaya dalam bidang vokasional dari peringkat awal persekolahan lagi.

Kajian ini adalah bertujuan untuk memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu pengetahuan dalam bidang TVET secara am dan dalam bidang perkembangan kerjaya secara khusus. Hasil dari kajian ini dapat menjadi rujukan dan panduan oleh pihak Bahagian Teknik dan Vokasional, KPM (BPTV) dan pengamal TVET dalam merencanakan hala tuju perkembangan kerjaya pelajar KV supaya penambahbaikan dapat dilakukan agar kemahiran KV relevan dan dapat memenuhi keperluan dan kehendak di industri kini. Kajian ini dijangka dapat membekalkan input kepada pihak KPM, BPTV serta peringkat institusi KV berkaitan pemilihan kerjaya yang tepat bagi melahirkan tenaga kerja yang dapat memacu ekonomi negara.

1.7 Batasan Kajian

Kajian dilaksanakan dengan tiga batasan, iaitu

Tajuk kajian ini dibataskan kepada kepastian dalam membuat keputusan kerjaya bagi pelajar-pelajar KV. Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada pemboleh ubah bersandar iaitu kepastian kerjaya. Begitu juga pemboleh ubah tidak bersandar yang diambil daripada Teori Sosial Kognitif Kerjaya (SCCT) iaitu pengalaman pembelajaran, perancangan kerjaya, eksplorasi kerjaya, efikasi sendiri, ekspektasi hasil dan matlamat kerjaya. Pemboleh ubah ini dikira memadai untuk menggambarkan kepastian kerjaya pelajar-pelajar KV, walaupun masih lagi terdapat elemen-elemen lain yang boleh dijadikan elemen pembina kepastian kerjaya. Dalam kajian ini, pelajar KV yang dimaksudkan ialah terdiri daripada pelajar-pelajar tahun 1 ambilan tahun 2018 dan belajar di KV di Negeri Selangor sahaja. Sebanyak 8 buah KV di Negeri Selangor yang terlibat dalam kajian ini. Sampel terdiri daripada 230 pelajar tahun 1 di KV Negeri Selangor sebagai responden kajian. Oleh itu dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua KV Malaysia. Ketepatan kajian ini dipengaruhi oleh kesediaan dan ketepatan responden yang dipilih.

1.8 Skop Kajian

Kajian dijalankan di KV negeri Selangor. KV dipilih sebagai tempat kajian kerana menawarkan sepenuhnya kursus aliran TVET. Negeri Selangor dipilih kerana kadar guna tenaga yang jauh lebih tinggi berbanding negeri-negeri lain di samping kerancakan sektor perindustrian yang merupakan penyumbang terbesar kepada nadi ekonomi negara serta kemudahan penyelidikan untuk mengakses sekolah yang terlibat.

1.9 Definisi Operasional

Kajian ini menggunakan beberapa istilah yang perlu diberikan definisi supaya pemahaman terhadap istilah-istilah itu jelas dalam konteks kajian ini. Beberapa definisi operasional kajian dapat dinyatakan seperti mana berikut:

1.9.1 Kerjaya

